



کوآپ بینک پرتاما
CO-OPBANK
PERTAMA

CBP's Anti-Corruption Plan (CACP)

Siri 1 – 2026

Perutusan Pengerusi

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama melahirkan rasa Syukur ke hadrat Allah SWT kerana masih diberi peluang untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai umat Islam dalam kehidupan seharian kita.

Dalam menyempurnakan tanggungjawab kita sebagai hamba-Nya yang taat, sebagai warga CBP kita juga perlu memastikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dilaksanakan dengan baik tanpa terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh meruntuhkan sesebuah syarikat termasuklah rasuah.

Rasuah memberi ancaman besar terhadap kemajuan dan keyakinan masyarakat seterusnya boleh merosakkan asas sosial, ekonomi dan kepercayaan terhadap organisasi perniagaan. Oleh itu, setiap daripada kita perlu menunjukkan sikap integriti secara konsisten bagi memastikan CBP dilihat 'beyond approach' oleh semua pihak berkepentingan.

Oleh itu, CBP memperkenalkan *CBP's Anti-Corruption Plan (CACP) 2026 – 2030* sebagai tanda komitmen pengukuhan tadbir urus, integriti dan kawalan antirasuah selaras dengan piawaian serta keperluan *National Anti-Corruption Plan (NACP)* demi memastikan ketelusan dan daya saing CBP.

Semua pihak perlu memainkan peranan tersendiri bagi memastikan CACP dapat direalisasikan dalam tempoh yang ditetapkan dan secara tidak langsung, ianya memberi keyakinan bahawa matlamat utama pelan ini dapat dicapai.

CBP amat menekankan nilai-nilai integriti, akauntabiliti dan amanah serta saya mengharapkan agar semua warga CBP dapat mengekalkan profesionalisme, tingkah laku dan disiplin yang tinggi bagi membina keyakinan semua pihak dalam sektor Kewangan.

Adalah diharapkan juga, CACP ini dapat membantu CBP mencapai visi untuk menjadi institusi kewangan pilihan semua yang menawarkan penyelesaian kewangan yang mampan dan beretika, berlandaskan prinsip syaria, insya-Allah.

Sekian, terima kasih.

Datuk Baharom Embi
Pengerusi Co-opbank Pertama



Perutusan

Ketua Pegawai Eksekutif

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana kita masih lagi diberi kesempatan untuk menjalankan tanggungjawab kita sebagai hamba-Nya yang bertakwa di muka bumi ini.

Sebagai sebuah organisasi yang menjalankan perniagaan yang patuh syariah, CBP amat komited bagi memastikan operasi perniagaan berjalan dengan lancar dan mendapat keredhaan Allah SWT. Oleh itu, sebarang penyalahgunaan kuasa dan rasuah tidak dialu-alukan di dalam operasi perniagaan CBP.

CBP mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah dan juga salah laku terhadap warga CBP dan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas jika berlaku perkara yang tidak bermoral ini.

Rasuah membawa kos besar kepada keseluruhan ekosistem sesebuah perniagaan yang boleh menjejaskan reputasi organisasi. Ianya akan memberi kesan jangka panjang kepada sesebuah perniagaan dan institusi itu sendiri.

Saya ingin tegaskan bahawa CBP bertanggungjawab untuk menolak dan membasmi sebarang aktiviti rasuah demi memastikan organisasi kekal di landasan yang tepat dalam mencapai matlamat perniagaan.

Oleh itu, *CBP's Anti Corruption Plan (CACP)* merupakan salah satu perancangan CBP untuk membanteras aktiviti rasuah dan penyelewengan di CBP. CACP merupakan strategi lima (5) tahun yang bertujuan untuk mengukuhkan tadbir urus, integriti dan kawalan antirasuah, serta memastikan pematuhan terhadap semua keperluan peraturan berkaitan rasuah.

CBP amat menekankan asas integriti dan tadbir urus yang baik, serta kepentingan untuk memperkasa semua pihak berkepentingan dalam memastikan keputusan yang dibuat adalah beretika dan adil.

Adalah diharapkan agar CACP dapat dijadikan rujukan kepada semua warga CBP agar setiap individu menyumbang supaya CBP bebas rasuah dan berintegriti tinggi.

Semoga dengan usaha kecil ini dapat meningkatkan lagi imej CBP sebagai sebuah institusi perbankan yang bersih dan mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Sekian.

Khairil Anuar Mohammad Anuar
Ketua Pegawai Eksekutif Co-opbank Pertama



Latar Belakang CACP

1

National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019–2023 telah dilancarkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia pada 29 Januari 2019 bagi memerangi rasuah dan mengukuhkan tadbir urus yang baik. NACP mencadangkan **pelaksanaan Organisational Anti-Corruption Plan (OACP)** sebagai **dokumen antirasuah** untuk menangani isu rasuah di peringkat organisasi.

2

OACP adalah **dokumen strategik** yang dibangunkan oleh sesebuah organisasi untuk **mengurus dan mencegah risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan secara sistematik**.

3


SPRM telah mengeluarkan Garis Panduan OACP bagi membantu organisasi awam dan swasta membangunkan pelan masing-masing berdasarkan **penilaian risiko rasuah (CRA) dan sistem kawalan dalaman**.

4

Pelaksanaan OACP membuktikan komitmen sesebuah organisasi terhadap prinsip tadbir urus baik, integriti dan akauntabiliti.

5

28 November 2023, Pihak SKM meminta CBP untuk mewujudkan **Anti-Corruption Plan** bagi membendung budaya dan gejala rasuah.



Fungsi Teras

Integrity and Governance Department (IGD)



PENGURUSAN ADUAN

Pengurusan penerimaan maklumat / aduan mengenai salah laku jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang sistematik bagi memastikan tindakan ke atas setiap maklumat / aduan.

PENGESANAN DAN PENGESAHAN

Pengesanan dan pengesahan terhadap aduan-aduan salah laku, jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang diterima dan seterusnya memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.



GOVERNANS

Memastikan praktis governans yang terbaik di CBP dalam usaha memperkukuhkan integriti pegawai dan kakitangan di organisasi serta menangani isu-isu berkaitan integriti terutamanya perilaku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

PENGUKUHAN INTEGRITI

Menguatkan integriti di setiap jabatan bagi memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam CBP dapat dicapai.



Visi & Misi CACP

VISI

- Koperasi perbankan yang **berintegriti, bebas rasuah dan diyakini** semua.

MISI

- Komited kepada tadbir urus berintegriti melalui operasi yang telus.
- Pengurusan risiko rasuah yang berkesan.
- Budaya integriti dan bebas rasuah kepada warga CBP.



TAHAP TOLERANSI (ZERO TOLERANCE)

CBP mengamalkan **“ZERO TOLERANCE”** terhadap rasuah dan tingkah laku yang tidak beretika. CBP juga komited untuk menegakkan *standard* integriti, ketelusan dan akauntabiliti yang tertinggi dalam semua urusan perniagaan dan operasi.

Komponen Risiko	Tahap Toleransi	Strategi Kawalan
Kakitangan menerima atau memberi rasuah	<i>Zero Tolerance</i>	Tindakan tatatertib serta-merta, termasuk penamatan kerja dan laporan kepada SPRM
Ketidakpatuhan dalam perolehan	<i>Zero Tolerance</i>	Perolehan berdasarkan Polisi, GPO dan audit dalaman secara berkala
Konflik Kepentingan (COI)	<i>Low Tolerance</i>	Wajib diisytiharkan dan dikawal melalui pengasingan tugas GPO Konflik Kepentingan <i>Integrity Pact</i>
Hadiah, hiburan, atau sumbangan	<i>Permitted in a controlled manner</i>	Mengikut GPO Pengurusan Hadiah- <i>Gift Management</i> dengan pengisytiharaan rasmi

PERANAN ORGANISASI

Peranan Semua Jabatan:

Mengenal pasti risiko rasuah, tadbir urus dan integriti

Peranan IGD:

Merangka CACP untuk 5 tahun


Peranan Pengurusan Kanan CBP

Governance and Risk Committee (GRC) menerima laporan, membincangkan dan memberi pandangan

Peranan ALK CBP

Governance and Risk Oversight Committee (GROC) / Anggota Lembaga Koperasi (ALK) memantau, menerima laporan, membincangkan dan membuat keputusan

KEPENTINGAN MEMBANGUNKAN CACP



Jumlah Risiko Dikenal pasti:

202

**Jumlah Risiko Tahap Tinggi
Dikenal pasti:**

24



GAMBARAN KESELURUHAN CACP



BIDANG KEUTAMAAN, STRATEGI & STRATEGIK OBJEKTIF

BIL	Bidang Keutamaan	Strategi	Strategik Objektif
01	Operasi	Memperkuhkan kepercayaan dan keyakinan pihak berkepentingan luaran terhadap mutu, ketelusan dan profesionalisme perkhidmatan yang disampaikan oleh CBP.	● Mempertingkatkan kecekapan, keberkesanan dan ketelusan dalam pengurusan pembiayaan. ● Menyediakan saluran maklum balas pelanggan, pendedahan kadar dan caj secara telus di laman web.
02	Tadbir Urus/ Integriti	Memantapkan kesedaran dan pemahaman warga kerja terhadap nilai integriti dan etika dalam setiap aspek pelaksanaan tugas dan tanggungjawab.	● Melaksanakan audit berkala. ● Memperkukuhkan nilai murni di CBP. ● Meningkatkan pengetahuan berkaitan Rasuah & Integriti.
03	Perolehan	Mengoptimumkan kecekapan dan memastikan ketelusan dalam pelaksanaan perolehan melalui pelaksanaan kawalan dalaman yang efektif dan proses yang telus.	● Mengukuhkan sistem kawalan dalaman perolehan. ● Menjalankan audit dan pemantauan <i>vendor</i> secara berkala. ● Menguatkuasakan dasar "Gift Management" dan klausa antirasuah dalam kontrak.
04	Teknologi Maklumat	Menguatkuakan keselamatan dan keberkesanan sistem IT CBP.	● Memperkukuhkan kawalan keselamatan sistem, data dan akses IT. ● Melaksanakan pemantauan berterusan.

GAMBARAN INISIATIF



PENGHARGAAN CACP



ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

JAWATANKUASA SYARIAH

PENGURUSAN KANAN (MANCO)

KETUA-KETUA JABATAN

WARGAKERJA CBP

☎ 1-300-88-7650
✉ info@cbp.com.my
🌐 www.cbp.com.my

